

# Pemuda UMNO akan serah pelan tindakan tingkat kedudukan SK

UM 9 DEC 2002  
Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 8 Dis. — Pergerakan Pemuda UMNO akan menyerahkan kertas cadangan mengandungi pelan tindakan bagi mempertingkatkan kedudukan sekolah kebangsaan (SK) yang dikatakan telah hilang populariti di kalangan masyarakat.

Ketua Biro Pendidikan pergerakan tersebut, Dr. Adham Baba berkata, kertas cadangan tersebut akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi jawatankuasa yang baru ditubuhkan bagi mengkaji kedudukan SK.

Beliau berkata, untuk itu, Pemuda UMNO khususnya Biro Pendidikan akan menganjurkan sesi perbincangan dan sumbang saran mengumpul idea bagi tujuan penyediaan kertas cadangan itu.

“Ia akan mengandungi cadangan berdasarkan perspektif golongan muda.

“Kita berharap ia akan dapat membantu jawatankuasa tersebut dalam mengkaji dan merangka semula strategi mengembalikan semula kepercayaan masyarakat terhadap sekolah kebangsaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas langkah yang akan dilakukan oleh pergerakan itu bagi mengembalikan semula kepercayaan sesetengah pihak terhadap kemampuan SK dalam melahirkan bangsa yang berpengetahuan dan bertamadun.

Menurut Dr. Adham, penelitian awal pihaknya mendapati masalah utama yang membawa kepada hilang percaya itu kerana persepsi yang berbeza terhadap kemampuan SK.

“Orang Melayu menyifatkan SK tidak Islamik manakala orang bukan Melayu pula beranggapan SK terlalu Islamik dan kemelayuan serta mempunyai tahap kualiti pengajaran Matematik dan Sains yang rendah,” katanya.

Beliau berkata, untuk mengembalikan semula kepercayaan itu, pandangan sempit tersebut perlu diperbetulkan terlebih dahulu.

Katanya, satu lagi masalah yang membawa kepada berkurangnya populariti terhadap SK ialah ia kurang diberi penonjolan.

“Pandangan umum melihat tidak ada apa yang menarik di SK berbanding di sekolah swasta. Tetapi, pandangan itu sebenarnya silap,” katanya.

Beliau berkata, Pemuda UMNO akan sentiasa berjuang memperkasakan SK bagi memastikan ia menjadi pilihan utama masyarakat.